



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN SASTERA ARAB
MENGUNAKAN APLIKASI TEKNOLOGI DI KALANGAN
PENUTUR BUKAN ARAB DI UIAM**

*EFFECTIVENESS OF TECHNOLOGY APPLICATIONS ON ARABIC
LITERATURE LEARNING AMONG NON-ARABIC SPEAKERS AT IIUM*

Rahmah Ahmad H. Osman¹, Usman Jaffer^{2*}, Nurulaniza Mohamad Noor³, Batrishah Norhamizi⁴,
Najibah Fatini Kamaldin⁵, Ahmad Ragheb Mahmoud⁶, Ahmad Zaki Amiruddin⁷

¹ AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan; International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Email: rahmahao@iium.edu.my

² AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan; International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Email: jafferu@iium.edu.my

³ Prof Arab, Online Arabic Tutoring Centre
Email: mrs.nurulaniza@gmail.com

⁴ AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Email: batrishanorhamizi27@gmail.com

⁵ AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Email: najibah.fatini@gmail.com

⁶ School of Education, Flinders University, South Australia
Email: arageb12@gmail.com

⁷ Centre for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Email: ahmadzaki@umk.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2022

Revised date: 22.11.2022

Accepted date: 26.12.2022

Published date: 29.12.2022

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk merungkai keberkesanan pembelajaran sastera Arab menggunakan Aplikasi Teknologi di kalangan penutur bukan arab. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah tinjauan dan kaedah analisis. 51 pelajar Jurusan Bahasa dan Kesusasteraan Arab telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik bagi mencapai tiga objektif kajian; mengenal pasti aplikasi teknologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera Arab, mengkaji cabaran yang dihadapi dalam menggunakan aplikasi teknologi

To cite this document:

Osman, R. A. H., Jaffer, U., Noor, N. M., Norhamizi, B., Kamaldin, N. F., Mahmoud, A. R., & Amiruddin, A. Z. (2022). Keberkesanan Pembelajaran Sastera Arab Menggunakan Aplikasi Teknologi di Kalangan Penutur Bukan Arab. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 512-526.

DOI: 10.35631/IJEPC.748039

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



dalam pembelajaran sastera Arab, dan meneroka kesan pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi. Keputusan soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian komputer (SPSS). Nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi instrumen tersebut adalah 0.82. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat 7 aplikasi teknologi yang digunakan dalam pembelajaran sastera Arab iaitu *Youtube, Facebook, Microsoft Team, Google Classroom, Diwan, Padlet* dan *Zoom*. Sehubungan dengan itu, cabaran utama para pelajar dalam pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi adalah kurang fokus dan capaian internet yang lemah. Namun, mereka mendapati bahawa kesan utama yang diperolehi daripada aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab adalah ia telah memudahkan para pelajar untuk menelaah semua bahan rujukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Kata Kunci:

Kesusasteraan Arab, Aplikasi Teknologi, Penutur Bukan Arab

Abstract:

This study aims to find out the effectiveness of learning Arabic literature using Technology Applications among non-Arabic speakers. This study uses two methods which are the survey method and the analysis method. 51 students of the Department of Arabic Language and Literature were randomly selected to answer the questionnaire to achieve the three objectives of the study; identify technology applications used in the teaching and learning of Arabic literature, examine the challenges faced in using technology applications in Arabic literature learning, and explore the effects of learning Arabic literature using technology applications. The results of this questionnaire were analyzed using computer software (SPSS). The value of the Cronbach Alpha reliability coefficient for the instrument is 0.82. The results showed that there are 7 technology applications used in learning Arabic literature, namely Youtube, Facebook, Microsoft Team, Google Classroom, Diwan, Padlet and Zoom. In this regard, the main challenge for students learning Arabic literature using technology applications is a lack of focus and limited internet access. However, they discovered that the main effect of using technology in learning Arabic literature is that it has made it easier for students to review all reference materials at any time and from any location.

Keywords:

Arabic Literature, Technology Applications, Non-Arabic Speaker

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa tertua di dunia (Sauri, 2020). Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan Arab telah menunjukkan peningkatan selaras dengan permintaan yang tinggi di pasaran dalam pelbagai industri seperti industri pelancongan dan penerbitan. Sehubungan dengan itu, kebanyakan universiti tempatan dan swasta mula menawarkan bahasa Arab sebagai salah satu daripada jurusan kepada para penuntut bagi kerjaya masa hadapan.

Bahasa Arab yang juga dikenali sebagai bahasa Al-Quran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu linguistik Arab dan kesusasteraan Arab. Linguistik arab terdiri daripada 12 ilmu. Antaranya, ilmu *nahu*, ilmu *sorof*, ilmu *balaghah*, ilmu *bayan*, ilmu *tasrif*, ilmu *arudh* dan ilmu *qafiyah*. Kesusasteraan Arab yang terbentuk daripada budaya dan sejarah Arab pula mempunyai dua bahagian iaitu syair atau puisi dan prosa arab (Ulum Al-Arabiah Al-Isna Ashara, 2017).

Menurut Mohammad Rusdi (2017), pelbagai jenis teknologi harus digunakan oleh para pengajar sastera Arab bagi mencapai proses pembelajaran yang efisien terutamanya bagi penutur bukan Arab. Sebagai contoh, *padlet*, *Microsoft Teams*, *Facebook* dan *Youtube*. Menurut pandangan Noradilah dan Wei Sieng (2019), penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran wajar diperluaskan lagi seiring dengan era digital kini. Para pengajar perlu cakna dengan peraliran zaman yang memandang teknologi sebagai kewajiban dan bukan pilihan. Tambahan pula, generasi- generasi era kini iaitu generasi Y dan Z merupakan generasi celik digital.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh penutur bukan arab dalam mempelajari bahasa yang bukan bahasa utama bagi mereka berpunca daripada faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman meliputi kekurangan penguasaan perbendaharaan kata dan kurang keyakinan dan motivasi dalam diri pelajar itu sendiri (Mohd Salihin Hafizi, Mohd Fauzi dan lain-lain, 2020). Adapun faktor luaran yang menyukarkan penutur bukan Arab adalah kurangnya bahan bantu belajar dan rujukan yang dapat diakses dengan mudah. Sulaiman (Sulaiman, Mustapha, dan lain-lain, 2018).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan-kesan yang telah diperolehi daripada penggunaan teknologi dalam mempelajari sastera Arab bagi penutur bukan Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bukan itu sahaja, kajian ini juga ingin merungkai cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran sastera Arab dengan menggunakan aplikasi teknologi serta mendedahkan aplikasi yang dipilih oleh para pelajar sebagai aplikasi yang sesuai digunakan dalam silibus pengajaran.

Pernyataan Masalah

Kesusahan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan Arab seringkali menjadi topik perbualan kementerian, guru-guru, ibu bapa dan para pelajar. Isu ini merupakan isu yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dan ianya mejadi kebimbangan semua pihak. Selain itu, terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan untuk membincangkan isu ini. Pernyataan ini disokong oleh statistik yang diperolehi dalam pangkalan data *Google Scholar* yang mendapati terdapat 2190 kajian yang telah diterbitkan pada tahun 2022 menggunakan kata kunci pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Ternyata terdapat banyak permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar yang bertutur menggunakan bahasa selain Arab dalam mempelajari bahasa Arab khususnya bidang sastera Arab seperti syair dan prosa Arab. Menurut pengkaji-pengkaji kajian ini, terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan mempelajari sastera Arab dalam kalangan penutur bukan Arab. Antaranya ialah kedudukan bahasa Arab itu sendiri di susunan kedudukan yang ketiga selepas bahasa pertama dan bahasa kedua menyebabkan pelajar sukar untuk menghayati sastera Arab dan mengaitkannya dengan kehidupan seharian mereka. Oleh hal yang demikian, kita dapat melihat pelajar-pelajar di Malaysia kurang memahami atau tidak mendalami sepenuhnya sastera Arab yang dipelajari disebabkan bahasa pertama mereka adalah bahasa Melayu dan diikuti dengan bahasa Inggeris. Faktor ini menyebabkan guru-guru sukar mencari jalan untuk memahamkan silibus sastera Arab kepada para pelajar secara mendalam.

Rentetan daripada faktor pertama yang dinyatakan iaitu kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga yang menyukarkan pelajar menghayati sastera Arab, guru-guru perlu memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan. Nazilah dan lain-lain (2017) melihat bahawa guru-guru kurang menggunakan teknologi yang berasaskan *Web* dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah dan hal ini menyebabkan kurang keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Perkara yang sama terjadi di semua peringkat pendidikan iaitu kurangnya kepelbagaian teknik pengajaran termasuk kurangnya penggunaan teknologi sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sastera Arab menyebabkan pelajar berasa bosan dan tidak menikmati silibus tersebut. Justeru, guru perlu menjadi lebih kreatif dalam mengajar dan mengambil peluang keemasan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi yang ada untuk mengajar sastera Arab supaya proses pengajaran lebih santai dan mencapai objektif serta hasil pembelajaran yang diinginkan.

Antara faktor lain yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pembelajaran sastera Arab dalam kalangan penutur bukan Arab ialah stigma dalam diri pelajar yang takut untuk belajar sastera Arab kerana menyangka ianya susah dan hanya tertumpu kepada syair sahaja. Faktor ini dikukuhkan lagi oleh Ab. Halim (2009) yang berpendapat bahawa minat pelajar untuk mendalami bahasa Arab adalah dikaitkan dengan masalah dalaman yang kurang diterapkan oleh guru-guru seperti kurang keyakinan diri dan rasa malu untuk mencuba dan takut ditertawakan. Jadi, guru perlu menggembeleng tenaga bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan.

Lanjutan daripada pernyataan masalah di atas, isu-isu penting yang dibentangkan menggalakkan lagi pengkaji-pengkaji untuk meneliti isu-isu ini dan mewujudkan satu kajian yang memberi fokus kepada keberkesanan penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab bagi penutur bukan Arab.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti aplikasi-aplikasi teknologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera Arab.
2. Mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab.
3. Merungkai kesan-kesan pembelajaran sastera arab menggunakan aplikasi teknologi.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab dan menjelaskan tiga soalan kajian berikut:

1. Apakah aplikasi-aplikasi teknologi yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera Arab?
2. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab?
3. Apakah kesan-kesan pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi?

Kajian Literatur

Seiring dengan kemajuan teknologi, pembangunan pendidikan juga turut diberi perhatian. Kini inovasi pendidikan berpusatkan guru telah beralih kepada pembelajaran berpusatkan murid. Mengikut kajian yang telah ditulis oleh Abdul Hai (2019), sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang didedahkan oleh Klaus Schwab pada Januari 2016 dalam *World Economic Forum (WEF)*;

“IR4.0 adalah proses susulan revolusi digital tahap ketiga sejak pertengahan yang lalu dengan penggunaan alatan digital, pendigitalan produk dan proses berkaitan meningkat pada tahap maksimal. Gagasan ini mendapat sambutan baik daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, selaras era IR4.0. proses (Pengajaran dan Pembelajaran) PdP di peringkat tinggi perlu berubah kepada konsep PdP yang merangkumi ruang belajar, pedagogi, kurikulum organik dan boleh lentur serta penggunaan teknologi terkini. Dengan bahasa mudahnya, penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan diberikan perhatian dan semakin giat dipraktikkan”.

Bahasa Arab adalah bahasa yang sangat berpengaruh sehingga mampu melenyapkan bahasa Sanskrit yang sudah lama bertapak di Tanah Melayu dengan keunikannya dari segi gaya bahasa, antonim, sinonim dan akronim (Maimun & lain-lain, 2019). Sastera Arab adalah subjek yang dibincangkan kerana ianya adalah bahasa asing dan masih baharu penerimaannya dalam kalangan penutur bukan Arab. Kedatangan musibah *Covid-19* memaksa setiap daripada kita untuk beralih kepada pembelajaran berteknologi secara menyeluruh yang datang dengan pelbagai cabaran sama ada daripada pihak pelajar, pengajar dan kementerian. Mengikut kajian Bahrudin dan lain-lain (2020) dalam kajian mereka "*Student's perception of Arabic online learning during COVID-19 emergency*" atau dalam bahasa Melayunya "Persepsi Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Arab semasa Kecemasan *Covid-19*". Antara faktor yang dikemukakan dan menjadikan pembelajaran bahasa Arab atas talian kurang efektif adalah arahan guru yang kurang jelas, talian internet yang terhad, kurangnya motivasi dalam kalangan pelajar dan kurangnya waktu untuk berbincang kerana dari situlah guru dan pelajar dapat menerima maklum balas dan berkongsi dapatan mereka. Oleh yang demikian, berbagai-bagai strategi dan kaedah telah diusahakan untuk memastikan objektif pembelajaran bahasa Arab tercapai dan menepati piawaian kementerian seperti sesi perbincangan, syarahan, pembentangan, belajar literasi dan menulis secara am. Penulis juga menegaskan bahawa kondisi psikologi, motivasi, persekitaran yang kondusif dan persepsi mereka menentukan kejayaan mereka. Tambahan pula, kajian ini membantu para pengkaji untuk mengetahui faktor dan beberapa strategi yang digunakan oleh pengajar untuk menyampaikan ilmu sastera Arab dengan lebih berkesan.

Perbincangan tentang gagasan Revolusi Industri 4.0 yang memusatkan pelajar sebagai subjek utama tidak lari daripada memberi fokus kepada keupayaan dan kebolehan mereka untuk belajar menggunakan teknologi. Mengikut kajian bertajuk "*The Use of E-Learning as an Online Based Arabic Learning Media for students*" atau dalam Bahasa Melayunya "Penggunaan *E-Learning* sebagai Sumber Utama Pembelajaran Bahasa Arab Atas Talian" elemen yang fatal dalam pembelajaran atas talian adalah media yang digunakan untuk PdP menyampaikan bahan pembelajaran kerana guru memainkan peranan dalam memastikan pelajar tidak berasa penat dan bosan serta dapat memahami penerangan dengan baik. Tambah beliau, walaupun *E-Learning* digunakan sebagai perantara pelajar dengan guru namun konsepnya tidak menyisihkan guru daripada tugas asasnya sebagai pengajar kerana pada

hakikatnya *E-Learning* memudahkan tugas para guru disamping membolehkan pelajar mengakses bahan belajar luar kawasan sekolah. *E-Learning* bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampai malah dilengkapi dengan pelbagai fungsi seperti menu pembelajaran, garis masa kelas, video konferen, pelan pembelajaran, bahan mengajar, kehadiran kelas, journal guru, ruang komen dan banyak lagi (Ardinal & lain-lain, 2021). Antara platform yang digunakan oleh para guru adalah *Zoom*, *Whatsapp*, *Telegram*, *Microsoft Teams* dan *Google Classroom* ditambah pula dengan bahan bantu mengajar daripada aplikasi seperti *Arabic-online.net*, *Learning.aljazera.net*, *Voiceofarabic.net*, *Shotul Arabiyah* dan banyak lagi (Zubaidah & lain-lain, 2021). Melalui kajian ini, para pengkaji dapat mengetahui dengan lebih mendalam fungsi sebenar aplikasi teknologi dan kegunaannya untuk pelajar.

E-Learning sememangnya mendatangkan kebaikan terhadap kedua-dua belah pihak khususnya kepada para pelajar seperti pengaksesan subjek berkaitan tidak terhad oleh masa dan tempat, malah pelajar mampu berkomunikasi atas talian yang kaya dengan maklumat. Selain itu, pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih seronok, mudah, interaktif dan berinovasi, malah sudah pasti pelajar digalakkan untuk menerokai fungsi-fungsi laman web tersedia yang mampu meningkatkan perasaan ingin tahu mereka (Ardinal & lain-lain, 2021). Tambah Zubaidah dan lain-lain (2021) *e-learning* sememangnya mesra pengguna kerana membantu daripada segi kewangan pelajar yang mana dapat mengurangkan kos tambang pelajar ke kelas, memberi ruang kepada guru untuk mengendalikan kelas ganti, memberi peluang kepada pelajar untuk belajar mengikut daya keupayaan sendiri dan fungsi-fungsi tersedia yang optimum menyediakan ruang belajar yang komprehensif kepada para pelajar.

Namun demikian setiap perkara tidak terlepas daripada kekurangan begitu juga dengan platform *e-learning* kerana ia masih dibangunkan di Malaysia. Antara masalah yang dapat dikenalpasti adalah pelajar tidak berminat untuk menyertai sistem pembelajaran ini, kekurangan aktiviti, gangguan internet, keupayaan mengakses, kekurangan infrastruktur, kebolehcapaian, fleksibiliti, dan polisi pendidikan telah mewujudkan jurang yang ketara dalam penerimaan ilmu dan kehadiran pelajar ke kelas dalam atas talian (Almelhes, 2021; Bahrudin & lain-lain, 2020). Oleh yang demikian, pengajar mengambil pendekatan dan cuba untuk mencari solusi seperti menjemput penutur asli dan mahir seperti yang dilakukan oleh guru di Ma'ahad SMA Islam Sabilillah Malang bagi meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab (Ardinal & lain-lain, 2021).

Berdasarkan kajian yang telah dikumpul, para pengkaji berpendapat bahawa kajian ini membantu mengukuhkan dan menjadi penyokong pengkaji untuk mengenal pasti faktor, kesan dan persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu tinjauan dan analisis. Tinjauan dijalankan ke atas 51 pelajar Jurusan Bahasa dan Kesusasteraan Arab yang mendaftar subjek Terjemahan Praktikal (ARAB 4513) dan Sejarah Kesusasteraan Arab (ARAB 1222) dari tahun 2018 hingga 2022. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS. Soalan tinjauan yang diedarkan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A ialah berkenaan Demografi Responden. Bahagian B merupakan aplikasi teknologi yang digunakan untuk pembelajaran sastera Arab. Bahagian C pula ialah cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab dan bahagian D ialah kesan pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian dianalisis selepas soal selidik dijawab oleh 51 orang responden secara bersasar. Setiap data yang diperolehi dianalisis sebagai dapatan kajian. Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu maklumat demografi responden, aplikasi teknologi bagi pembelajaran sastera Arab, cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab dan kesan pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi. Persoalan-persoalan kajian pula dijawab secara terperinci di ruangan perbincangan.

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi responden. Di dalam bahagian ini maklumat responden seperti jantina, bahasa asli responden dan subjek yang berkaitan dengan sastera Arab yang diambil dari tahun 2018 hingga tahun 2022. Tujuan analisa bahagian ini adalah untuk mengetahui latar belakang responden. Seramai 48 responden perempuan iaitu 94.1% dan 3 orang responden lelaki iaitu 5.9% yang telah menjawab tinjauan ini dan kesemuanya ialah bukan penutur asli bahasa Arab. 13 daripada 51 responden iaitu 25% pernah mengambil subjek ARAB 1222 (*History of Arabic Literature*) dari tahun 2018 hingga tahun 2022. 21 daripadanya iaitu sebanyak 42.3% pernah mengambil subjek ARAB 4513 (*Practical Translation*) dan 17 daripadanya iaitu 32.7% pernah mengambil kedua-duanya.

Bil	Data (n=51)	Kekerapan	Peratusan
1	Jantina		
	Perempuan	48	94.1%
	Lelaki	3	5.9%
2	Adakah anda bukan penutur asli bahasa Arab?	51	100%
3	Subjek yang didaftar		
	ARAB 1222 (<i>History of Arabic Literature</i>)	13	25%
	ARAB 4513 (<i>Practical Translation</i>)	21	42.3%
	ARAB 1222 & ARAB 4513	17	32.7%

Jadual 1: Bahagian A (Maklumat Demografi Responden)

Di dalam Jadual 2.1, kita dapat melihat aplikasi teknologi yang digunakan di dalam ketiga tiga subjek tersebut dan aplikasi yang menjadi pilihan pelajar dan dikatakan efektif. Aplikasi yang paling banyak digunakan ialah *YouTube* iaitu seramai 33 responden memilih *YouTube* sebagai aplikasi yang digunakan di dalam pembelajaran sastera Arab. Aplikasi-aplikasi lain yang sering digunakan juga ialah *Padlet* dan *Google Classroom* diikuti dengan *Microsoft Team* dan *Facebook*. Aplikasi yang paling kurang digunakan ialah *Diwan* iaitu sebanyak 1 orang responden sahaja memilihnya dan seterusnya *Zoom* yang menjadi pilihan 3 responden. Menurut pandangan semua responden, *YouTube* merupakan aplikasi yang paling efektif bagi

pembelajaran sastra Arab dengan kekerapan 22 iaitu sebanyak 43.1% dan Zoom merupakan aplikasi yang paling kurang efektif bagi pembelajaran sastra Arab.

Bil	Data	Kekerapan	Peratusan
1	Apakah aplikasi teknologi yang digunakan semasa pembelajaran sastra Arab?		
	Padlet	32	62.7%
	Microsoft Team	27	52.9%
	Youtube	33	64.7%
	Facebook	20	39.2%
	Google Classroom	32	62.7%
	Zoom	3	5.9%
	Diwan	1	2%
2	Pada pendapat anda, apakah aplikasi teknologi yang paling efektif untuk pembelajaran sastra Arab?		
	Padlet	8	15.7%
	Microsoft Team	8	15.7%
	Youtube	22	43.1%
	Facebook	3	5.9%
	Google Classroom	9	17.6%
	Zoom	1	2%

Jadual 2.1: Bahagian B (Aplikasi Teknologi bagi Pembelajaran Sastra Arab)

Jadual 2.2 menunjukkan sebab pemilihan aplikasi teknologi yang efektif bagi pembelajaran sastera Arab berdasarkan pilihan mereka di soalan sebelumnya iaitu di Jadual 2.1. *YouTube* menjadi pilihan para responden atas beberapa sebab. Ramai yang berpendapat bahawa aplikasi teknologi itu mudah diakses dan aplikasi tersebut percuma dan boleh diakses menggunakan e-mail universiti. Kedua-dua sebab ini kukuh dengan min 4.7. Sedikit sahaja yang memandang bahawa aplikasi tersebut membekalkan latihan dan latih tubi iaitu dengan min 3.6.

Bil	Data (n=51)	1	2	3	4	5	Min
1	Aplikasi teknologi mudah diakses.	0	1 (2%)	0	13 (25.5%)	37 (72.5%)	4.7
2	Aplikasi teknologi yang digunakan tidak perlu dimuat turun atau mempunyai <i>Giga Byte</i> yang rendah.	1 (2%)	4 (7.8%)	15 (29.4%)	5 (9.8%)	26 (51%)	4.0
3	Aplikasi teknologi yang mempunyai reka bentuk dan fungsi yang menarik.	0	1 (2%)	3 (5.9%)	14 (27.5%)	33 (64.7%)	4.5
4	Aplikasi teknologi yang digunakan menyediakan latihan dan latih tubi.	4 (7.8%)	8 (15.7%)	9 (17.6%)	14 (27.5%)	16 (31.4%)	3.6
5	Aplikasi teknologi yang digunakan menyediakan ruangan maklum balas untuk kedua-dua pihak pensyarah dan pelajar.	1 (2%)	3 (5.9%)	4 (7.8%)	11 (21.6%)	32 (62.7%)	4.4
6	Aplikasi teknologi yang digunakan mesra pengguna yang mana boleh memuatkan video,	1 (2%)	1 (2%)	5 (9.8%)	9 (17.6%)	35 (68.6%)	4.5

	gambar, poster, undian dan kapsyen.							
7	Aplikasi teknologi yang digunakan percuma atau boleh diakses dengan menggunakan email universiti.	0	1 (2%)	2 (3.9%)	7 (13.7%)	41 (80.4%)	4.7	

Jadual 2.2: Sebab Pemilihan Aplikasi Teknologi yang Efektif bagi Pembelajaran Sastera Arab

Berdasarkan Jadual 2.3, cara pembelajaran yang paling efektif adalah pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi kerana ia menjadi pilihan 40 orang responden iaitu sebanyak 78.4% dibandingkan dengan pembelajaran secara tradisional sebanyak 21.6% sahaja.

Bil	Data (n=51)	Kekerapan	Peratusan
1	Pada pendapat anda, manakah cara pembelajaran yang lebih efektif?		
	Pembelajaran menggunakan aplikasi teknologi	40	78.4%
	Pembelajaran tradisional	11	21.6%

Jadual 2.3: Cara Pembelajaran yang Efektif bagi Pembelajaran Sastera Arab

Cabaran-cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab diringkaskan di dalam Jadual 3. Ramai berpendapat bahawa mereka kurang fokus apabila menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab dengan min 4.4 manakala sedikit sahaja iaitu dengan min 2.9 berpendapat bahawa cabarannya ialah kurang minat dengan penggunaan aplikasi teknologi. Bagi mengatasi cabaran ini, para pengkaji berpendapat bahawa kemahiran sastera seseorang pelajar perlu diasah dan produktiviti guru-guru sastera perlu diberi perhatian sesuai dengan dapatan kajian yang dibentangkan oleh Ahlam & Merfat (2022). Tambah mereka, apabila kita merangka sesuatu platform digital untuk pembelajaran sastera ianya mestilah menarik dan bermotivasi bagi kedua-dua belah pihak iaitu guru dan pelajar.

Bil	Data (n=51)	1	2	3	4	5	Min
2	Capaian internet yang lemah.	1 (2%)	2 (3.9%)	12 (23.5%)	19 (37.3%)	17 (33.3%)	4.0
3	Persekitaran yang tidak kondusif.	1 (2%)	5 (9.8%)	11 (21.6%)	17 (33.3%)	17 (33.3%)	3.9
4	Kurang minat terhadap sastera Arab.	2 (3.9%)	9 (17.6%)	11 (21.6%)	8 (15.7%)	21 (41.2%)	3.7
5	Kurang minat terhadap penggunaan aplikasi teknologi.	8 (15.7%)	13 (25.5%)	15 (29.4%)	8 (15.7%)	7 (13.7%)	2.9
6	Ahli kumpulan yang tidak membantu.	3 (5.9%)	9 (17.6%)	10 (19.6%)	14 (27.5%)	15 (29.4%)	3.6
7	Kekurangan waktu perbincangan bersama pensyarah secara atas talian atau bersemuka.	7 (13.7%)	5 (9.8%)	8 (15.7%)	12 (23.5%)	19 (37.3%)	3.6
8	Kekurangan waktu perbincangan bersama ahli kumpulan secara atas talian atau bersemuka.	6 (11.8%)	5 (9.8%)	8 (15.7%)	18 (35.3%)	14 (27.5%)	3.6
9	Kurang fokus.	0	1 (2%)	3 (5.9%)	24 (47.1%)	23 (45.1%)	4.4
10	Fungsi aplikasi yang sedikit dan kurang menarik.	2 (3.9%)	11 (21.6%)	15 (29.4%)	13 (25.5%)	10 (19.6%)	3.4

Jadual 3: Bahagian C (Cabaran-Cabaran yang dihadapi semasa menggunakan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab)

Di dalam Jadual 4, ramai responden memandang bahawa kesan pembelajaran sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi menjadikan bahan rujukan bagi pembelajaran sastera arab

dapat ditelaah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja kerana seramai 34 orang responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut dengan min 4.7.

Bil	Data (n=51)	1	2	3	4	5	Min
2	Capaian internet yang lemah.	1 (2%)	2 (3.9%)	12 (23.5%)	19 (37.3%)	17 (33.3%)	4.0
3	Persekitaran yang tidak kondusif.	1 (2%)	5 (9.8%)	11 (21.6%)	17 (33.3%)	17 (33.3%)	3.9
4	Kurang minat terhadap sastera Arab.	2 (3.9%)	9 (17.6%)	11 (21.6%)	8 (15.7%)	21 (41.2%)	3.7
5	Kurang minat terhadap penggunaan aplikasi teknologi.	8 (15.7%)	13 (25.5%)	15 (29.4%)	8 (15.7%)	7 (13.7%)	2.9
6	Ahli kumpulan yang tidak membantu.	3 (5.9%)	9 (17.6%)	10 (19.6%)	14 (27.5%)	15 (29.4%)	3.6
7	Kekurangan waktu perbincangan bersama pensyarah secara atas talian atau bersemuka.	7 (13.7%)	5 (9.8%)	8 (15.7%)	12 (23.5%)	19 (37.3%)	3.6
8	Kekurangan waktu perbincangan bersama ahli kumpulan secara atas talian atau bersemuka.	6 (11.8%)	5 (9.8%)	8 (15.7%)	18 (35.3%)	14 (27.5%)	3.6
9	Kurang fokus.	0	1 (2%)	3 (5.9%)	24 (47.1%)	23 (45.1%)	4.4
10	Fungsi aplikasi yang sedikit dan kurang menarik.	2 (3.9%)	11 (21.6%)	15 (29.4%)	13 (25.5%)	10 (19.6%)	3.4

Jadual 4: Bahagian D (Kesan Pembelajaran Sastera Arab menggunakan aplikasi teknologi)

Berikutan data yang dianalisis, ia telah menjawab soalan pertama kajian iaitu tentang aplikasi-aplikasi teknologi yang digunakan dalam pembelajaran sastera Arab dan aplikasi aplikasi tersebut mengikut susunan menurun ialah *YouTube*, *Google Classroom*, *Padlet*, *Microsoft Team*, *Facebook*, *Zoom* dan *Diwan*. Para responden memilih *YouTube* sebagai aplikasi teknologi yang paling efektif bagi pembelajaran sastera Arab disebabkan aplikasi mudah diakses, percuma dan boleh diakses menggunakan e-mail universiti. Dalam menjawab persoalan kedua kajian, mereka berpendapat bahawa antara cabaran yang terbesar dalam menggunakan aplikasi teknologi di dalam pembelajaran sastera Arab ialah kurang fokus dan capaian internet yang lemah. Aplikasi teknologi dikira sesuatu yang baharu di dalam diri para pelajar dan penggunaannya meningkat menjelang era norma baharu apabila dunia digemparkan dengan virus *covid-19*. Disebabkan faktor ini, pelajar mungkin menghadapi cabaran kerana subjek sastera Arab yang susah dan penggunaan pelbagai fungsi aplikasi teknologi yang baharu di dalam diri mereka sekaligus menjadikan mereka hilang fokus semasa menggunakannya dalam mempelajari sastera Arab. Para pelajar juga mungkin menghadapi capaian internet yang lemah kerana sejak Perintah Kawalan Pergerakan, semua diarahkan untuk kekal di rumah dan semua ahli keluarga menggunakan internet untuk bekerja dari rumah dan belajar. Capaian internet menjadi lemah kerana lebih ramai menggunakannya. Hal ini juga bergantung kepada kedudukan geografi tempat tinggal pelajar yang mempunyai capaian internet yang tidak sama antara satu sama lain. Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga, kesan terbesar penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab ialah menjadikan bahan rujukan bagi pembelajaran sastera Arab dapat ditelaah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Ini mungkin kerana pensyarah menyediakan rakaman untuk setiap kelas dan membekalkan nota di platform-platform tertentu seperti *Google Classroom*. Nota-nota ini tidak akan hilang dan boleh diakses pada bila-bila masa. Hasil kajian ini diperkukuhkan lagi oleh kajian Samir (2015) yang menyatakan bahawa para pelajar menyukai pembelajaran bahasa asing berbantu komputer kerana ia membekalkan aktiviti-aktiviti menarik yang tidak dibekalkan di dalam buku teks.

Kesimpulan

Pengamatan analisa yang telah dilakukan mendapati bahawa usaha ini mencapai objektif kajian dan menjawab segala persoalan tentang Keberkesanan Pembelajaran Sastera Arab menggunakan Aplikasi Teknologi di Kalangan Penutur Bukan Arab di UIAM. Kajian mendapati bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka selesa dengan penggunaan aplikasi teknologi dalam pembelajaran sastera Arab yang banyak mendatangkan faedah dengan teknik yang pelbagai, baharu dan berinovasi yang jelasnya mampu menarik minat mereka serta membantu mendalami pengamatan akan sastera Arab. Selain itu, tidak dinafikan peranan pensyarah yang komited dan peka terhadap perkembangan para pelajar juga antara faktor terbesar Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) sastera Arab dapat dijalankan dalam pelbagai situasi. Namun begitu, sudah terang lagi bersuluh para pelajar menghadapi pelbagai cabaran sama ada secara atas atau luar talian yang membantutkan semangat dan minat mereka terhadap pembelajaran sastera Arab. Walaupun kaedah penggunaan aplikasi teknologi secara menyeluruh masih baharu dalam kalangan para pelajar dan mereka mengakui akan kesannya terhadap aktiviti belajar namun mereka sudah semakin mahir dan cekap dalam menggunakannya saban hari mengikut keperluan industri revolusi pendidikan. Pemilihan responden secara rawak dan rangkain digunakan serta liputan kawasan yang pelbagai juga antara faktor kepelbagaian jawapan. Namun begitu, mereka dapat menangani cabaran tersebut dengan baik dan sudah jelas akan kejayaan keberkesanan pembelajaran sastera Arab secara atas talian dalam kalangan penutur bukan Arab di UIAM apabila para responden bersetuju

bahawa mereka mengambil baik akan kemudahan aplikasi teknologi sama ada daripada segi kos yang murah, meningkatkan fokus, kemudahan mengakses dan bahan bantu mengajar yang konvenien. Bagi menambah baik proses PdP, kajian ini akan diteruskan oleh pengkaji seterusnya untuk mengikuti perkembangan terkini dan kaedah pembelajaran yang terbaharu selari dengan peredaran masa sesuai dengan kehendak dan perkembangan teknologi.

Rujukan

- Abdin Lubis, M. A. L, Taib, S. H, Ismail, M. A. (2019) Inovasi Sistem Pendidikan dan strategi pengajaran Bahasa Arab di era milenial 4.0. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 9 Volume 3(2) Sep 2019, 9-20.
- Ab Majid, M. R., & BAGI, T. D. S. M. K. (2017). Pengetahuan teknologi pedagogi kandungandan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab di Malaysia (Doctoral dissertation, Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya).
- Abdul Hai, A., Amiruddin, A. Z., Abdul Rahman, A., Wan Daud, W. A. A. (2019) Penggunaan aplikasi Web 2.0: GoAnimate dalam Aktiviti Pembelajaran Bahasa Arab di Universiti Malaysia Kelantan. Penerbit UTM Press.
- Al Abdullatif, M. A., & Alsubaie, M. (2022). Using Digital Learning Platforms for Teaching Arabic Literacy: A Post-Pandemic Mobile Learning Scenario in Saudi Arabia. Sustainability. 2022. 10.3390/su141911868.
- Ardinal, E., Ritonga, A. W., Ritonga, M., Susanti, D., Zulfida, S., (2021) The Use of E-Learning As An Online Based Arabic Learning Media for Students. *Journal of Physics: Conference Series* 1933(2021) 012127. *Virtual Conference on Engineering, Science and Technology (ViCEST) 2020*
- Aziz, N., & Sieng, L. W. (2019). Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1).
- Bahrudin, U. Febrianti, Sicily Ramadhanti. (2020). Student's Perception of Arabic Online Learning during COVID-19 Emergency. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*, 8(4), 1483-1492.
- El Omari, S., (2015). The Effect of Computer-assisted Language Learning on Improving Arabic as a Foreign Language (AFL) in Higher Education in the United States. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 192. 621-628. 10.1016/j.sbspro.2015.06.109.
- Islam Soal Wa Jawab. (2017, February 21). *Ulum Al-Arabiah Isna Ashara*. Diperoleh dari pautan: <https://islamqa.info/ar/answers/260068/علوم-العربية-الاثنا-عشر>
- Mohamad, N., Yusoff, S. Z., Abdullah, N. H., & Syed Azmi, S. N. M. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Tinjauan Awal Peringkat Sekolah Rendah Terengganu. *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017* (pp. 948-955). Terengganu: UNISZA.
- Mohamad, A. B., (2009). Tahap komunikasi dalam Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1). pp. 1-14.
- Ritonga, M., Kustati, M., Budiarti, M., Lahmi, A., Asmara, M., Kurniawan, R., Putri, N., & Yenti, E., (2021). Arabic as foreign language learning in pandemic COVID-19 as perceived by students and teachers. *Linguistics and Culture Review*, 5(1), 75-92.
- Sauri, S. (2020). Sejarah Perkembangan Bahasa Arab dan Lembaga Islam di Indonesia. *INSANCITA*, 5(1), 73-88.
- Sultan Almelhes (2021). Evaluation of Students' Remote Learning Experience of Learning Arabic as a Second Language during the Covid-19 Pandemic. *International Education Studies*, (2021), 40, 14(10).

Zubaidah, Kardena, A., Shalihah, S., Hodijah, O., Afrida, Y., Safitri, L.(2021). Web-based e-Learning Application for Learning Arabic Language. *Journal of Physics: Conference Series* (2021).